



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**INDUSTRI LADANG HUTAN HASILKAN SUMBER BEKALAN KAYU ALTERNATIF
KEPADA PENGELUARAN HUTAN ASLI**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah meninjau Projek Model Ladang Hutan di Hutan Simpan Sabal, Simunjan seterusnya menyempurnakan Trek Komoditi Industri Perakayuan (Ladang Hutan) Sarawak sempena siri Trek Komoditi Zon Sarawak anjuran Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) hari ini.

Model Projek Ladang Hutan ini merupakan kerjasama antara Jabatan Hutan Sarawak dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) bermula pada tahun 2010, bertujuan untuk memberi panduan dalam pengurusan dan pembangunan ladang hutan di Sarawak.

Objektif penubuhan ladang hutan adalah bagi menampung keperluan bahan mentah industri perakayuan dan mengurangkan kebergantungan terhadap hutan asli sedia ada. Di Sarawak, inisiatif penubuhan ladang hutan telah bermula sejak tahun 1997 dan sehingga 30 Jun 2023, seluas 578,774.16 hektar ladang hutan telah dibangunkan di Sarawak melibatkan pelbagai spesies seperti *Acacia Mangium* (54%), Batai (19%), *Eucalyptus* (15%), Kelampayan (6%) dan lain-lain spesies (6%).

Antara pengisian program adalah penanaman sejumlah 60 anak pokok belian di Hutan Simpan Sabal, Simunjan dan sumbangan dana oleh beberapa syarikat korporat serta pemain industri kepada Jabatan Hutan Sarawak bagi menyokong pelaksanaan Program Penghijauan Sarawak selari dengan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok (2021-2025) peringkat Nasional.

YAB Dato' Sri Haji Fadillah juga bertemu pemain industri kayu tempatan serta komuniti di sekitar Sabal untuk mendapatkan pandangan serta cadangan mengenai isu-isu semasa dan cabaran berkaitan industri perakayuan.

KPK sentiasa komited dalam mendukung usaha memperkasa industri perakayuan negara dari masa ke masa memandangkan industri ini merupakan antara penyumbang utama bagi pertumbuhan sosio-ekonomi kepada Negeri Sarawak khususnya dan negara amnya.

**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
26 NOVEMBER 2023**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



[mykomoditi](https://www.mykomoditi.com)

